

Berita Harian 28/10/2010 M/S 2

# Sampah berlonggok punca bau busuk

**S**EPANG: Sikap pengotor sesetengah penduduk yang membuang sampah sesuka hati di bahu jalan utama di pekan Dengkil menimbulkan masalah kepada orang lain.

Perbuatan membuang sampah sesuka hati termasuk sisa makanan yang boleh menyebabkan bau busuk itu dipercayai dilakukan penduduk kawasan berdekatan yang menjadikan lokasi tepi jalan itu sebagai tempat melonggok sampah, tetapi malangnya tidak dipungut oleh pekerja pengutip sampah kerana ia bukan tempat sewajarnya melupuskan sampah domestik.

Peniaga berdekatan, Mohd

Faiz Mohd Ariffin, 20, berkata sebelum ini kawasan itu pernah diletakkan tong sampah yang kemudiannya dipindahkan beberapa meter dari situ disebabkan kerja pembinaan sebuah bengkel kenderaan.

Katanya, bau busuk dari timbunan sampah itu mengganggu mereka yang berhampiran, selain orang ramai yang lalu lalang.

"Penduduk sewajarnya bertanggungjawab supaya tidak menjadikan tepi jalan berkenaan sebagai tempat membuang sampah," katanya.

Sementara itu, Nur Najibah Osman, 27, berkata masalah itu sebenarnya sudah



**TANDA** larangan membuang sampah diletakkan di bahu jalan pekan Dengkil-Banting tidak diendahkan oleh penduduk.

berlarutan sejak dua bulan lalu sehingga menimbulkan gangguan kepada penduduk berhampiran.

Beliau berkata, longgokan sampah itu juga dibongkar anjing liar pada waktu ma-

lam menyebabkan keadaan menjadi bertambah kotor dan busuk.

Penduduk lain, yang hanya mahu dikenali sebagai Ah Teik, 37, berkata perbuatan melonggokkan sampah di ka-

wasan itu perlu dihentikan segera kerana ia menimbulkan masalah kesihatan dan kebersihan orang lain.

"Ini bukan salah pihak berkuasa, tetapi sikap penduduk yang pengotor," katanya.